

**Dalam Meremajakan Umno, Janganlah Dilupakan Golongan Lama**  
**Bernama**  
**2 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Dalam usaha meremajakan parti, anggota Umno diminta tidak lupa kepada golongan lama kerana mereka menjadi petunjuk arah kepada kepimpinan baharu.

Exco Pergerakan Wanita Umno Malaysia Datuk Jamelah A.Bakar berkata golongan lama itu pernah mencorak parti itu ke arah kegemilangan satu ketika dahulu dan mereka perlu menjadi panduan untuk rujukan anggota muda.

"Mereka ini tidak boleh diketepikan dan amat diperlukan kerana pengalaman mereka pernah melihat dan membentuk Umno sehingga mempunyai kedudukan yang tinggi pada masa kini," katanya ketika menjadi tetamu program Hello Malaysia di sini, Selasa.

Justeru itu, katanya, adalah perlu anggota Umno mewujudkan keseimbangan antara wajah lama dan wajah baharu dalam parti.

Baginya adalah tidak wajar muka baharu sahaja ditonjolkan dalam proses meremajakan parti sebaliknya perlu ada juga kepimpinan orang lama kerana mereka terbukti mempunyai rekod prestasi dan pengetahuan tinggi dalam arena politik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982543>